

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1997/98

Februari 1998

HST 425 Kertas Khas Dalam Sejarah Asia Tenggara

Masa : [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan sahaja.

1. "Sebahagian dari kejayaan Jepun menakluki Asia Tenggara adalah hasil daripada sumbangan orang-orang Jepun yang bergiat di rantau ini sebelum tibanya perang dengan ada di antara mereka telah berusaha memudahkan jalan penaklukan". (Eric Robertson).

Bincangkan petikan ini dengan merujuk kepada mana-mana negara di Asia Tenggara sebelum 1942.

2. Mengapakah elit-elit tempatan bekerjasama dengan pentadbiran tentera Jepun dan sejauh manakah kerjasama ini penting kepada perjalanan pentadbiran tentera di mana-mana negara di Asia Tenggara?
3. Dengan merujuk kepada Tanah Melayu, sejauh manakah dapat dikatakan Jepun mempunyai dasar terhadap agama Islam?
4. Sejauh manakah Jepun berjaya melahirkan satu kelas pemuda yang benar-benar berbeza dengan pemuda yang dihasilkan oleh sistem pendidikan Barat sebelum 1942?
5. "Kejayaan Vietminh untuk berkuasa di utara Vietnam selepas September 1945 berkait rapat dengan apa yang dilakukan oleh kumpulan ini di antara 1940-45".

Bincangkan.

..../2

6. Dengan merujuk kepada mana-mana negara, bincangkan dasar-dasar kuasa Eropah terhadap bekas tanah jajahan mereka selepas 1945. Sejauh manakah dasar-dasar ini mengambil kira apa yang berlaku di tanah jajahan semasa pendudukan Jepun?
7. "Walaupun gagal dengan dasar imperialismnya di antara 1942-45, Jepun pada 1960an berjaya menubuhkan satu 'Lingkungan Sekemakmoran Asia Timur Raya' yang baru di Asia Tenggara melalui hubungan ekonomi".

Bincangkan.

--oo000oo--